

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

SOALAN

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes pecah masuk semenjak pelaksanaan PKP, mengikut kategori rumah/kedai, daerah dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kejadian pecah masuk merupakan antara penyumbang tertinggi statistik dalam kategori jenayah indeks di seluruh negara. Premis yang menjadi sasaran penjenayah adalah rumah dan premis perniagaan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga mempengaruhi situasi jenayah pecah masuk di seluruh negara.

Secara keseluruhannya kes pecah masuk bagi seluruh negara sepanjang tempoh semasa pelaksanaan PKP mulai 18 Mac 2020 sehingga 3 Mei 2020 adalah sebanyak 1,266 kes. Seterusnya berlaku penurunan semasa

tempoh PKPB dilaksanakan iaitu bermula dari 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 dengan 1,097 kes manakala bagi tempoh PKPP yang bermula dari 10 Jun 2020 sehingga 30 Jun 2020 adalah sebanyak 722 kes dicatatkan.

Dari segi pecahan statistik, kejadian pecah masuk bagi rumah semasa tempoh PKP adalah sebanyak 504 kes, premis perniagaan pula sebanyak 441 kes, manakala lain-lain premis seperti pejabat, stor, dewan dan lain-lain mencatatkan sebanyak 321 kes.

Sepanjang tempoh PKPB pula, kes pecah rumah mencatatkan sebanyak 561 kes, diikuti premis perniagaan sebanyak 284 kes, manakala lain-lain premis mencatatkan sebanyak 251 kes.

Manakala semasa tempoh PKPP mulai 10 Jun 2020 sehingga 30 Jun 2020 pula, kes pecah rumah mencatatkan sebanyak 391 kes, diikuti premis perniagaan mencatatkan sebanyak 162 kes, manakala lain-lain premis mencatatkan sebanyak 169 kes.

Daerah yang mencatatkan kes pecah masuk tertinggi semasa tempoh PKP adalah daerah Kuala Muda, Kedah iaitu sebanyak 45 kes. Semasa tempoh PKPB pula, daerah yang mencatatkan kes tertinggi adalah daerah Melaka Tengah, Melaka iaitu sebanyak 40 kes. Manakala semasa tempoh PKPP kes tertinggi dicatatkan di daerah Kajang, Selangor iaitu sebanyak 25 kes.

Bagi statistik mengikut negeri pula, kes pecah masuk tertinggi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP mulai 18 Mac 2020 sehingga 30 Jun 2020 adalah di negeri Selangor dengan 644 kes.